

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 2018)

TARIKH: 3 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 10

## Skim MyHome belum capai objektif

KUALA LUMPUR - Objektif pelaksanaan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) masih belum



tercapai sepenuhnya meskipun dari segi pengurusan projek ia telah diurus dengan cekap, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 2.

Namun, dari aspek pemantauan, laporan itu menyatakan MyHome didapati diurus dengan kurang cekap yang mengakibatkan kelewatan penyiapan projek, bayaran insentif kepada pemaju yang meragukan dan insentif kepada pembeli yang masih tidak dipulangkan oleh pemaju.

Ia adalah antara penemuan Audit yang dijalankan antara Mac hingga Julai 2019.

Penemuan lain adalah sasaran tahunan tidak ditetapkan untuk mencapai sasaran 10,000 rumah MyHome menjelang 2020 dan setakat 31 Disember 2018, sebanyak 2,458 rumah (34.3 peratus) telah siap dibina, manakala sebanyak 4,715 rumah (65.7 peratus) masih dalam pembinaan.

Pada masa sama, pemulangan

insentif berjumlah RM2.35 juta belum dibuat oleh pemaju walaupun arahan tuntutan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara

(JPN).

“Pemantauan yang dilaksanakan kurang berkesan kerana tiada mesyuarat secara berjadual bagi membincangkan masalah projek di peringkat JPN,” menurut laporan yang dikeluarkan semalam.

Justeru, laporan itu mengesyorkan beberapa langkah yang perlu diambil JPN bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, antaranya adalah menilai semula kriteria atau syarat mahupun insentif pemilihan pemaju bagi meningkatkan penyerahan pemaju di seluruh negara dalam pelaksanaan Skim MyHome kerana pelaksanaan semasa masih belum dapat membantu golongan sasaran secara optimum untuk membeli rumah di bawah skim tersebut.

Selain itu, JPN dan pemaju perlu bekerjasama melaksanakan promosi secara berkesan dan berterusan bagi rumah yang belum dijual.

- Bernama